

01/07/2002

Industri ICT yakin dasar tetap diteruskan

Khairul Anuar Samad

PERSATUAN dan syarikat terbabit dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negara ini yakin dasar ICT negara akan diteruskan sebagaimana dirancang walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan pada 2003.

Selain itu, mereka tetap akan meneruskan komitmen mengembangkan ICT negara sama ada dalam bentuk pelaburan atau kerjasama dengan kerajaan.

Pengerusi Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom), Looi Kien Leong, berkata Pikom percaya keputusan Dr Mahathir untuk meletak jawatan tidak akan memberi kesan kepada industri ICT negara kerana beliau sudah menanam satu dasar padu yang berupaya membentuk Malaysia sebagai hub ICT kukuh di dunia.

Berdasarkan kepada pelbagai perkembangan positif yang berlaku dalam industri ICT negara sebelum ini, peletakan jawatan Dr Mahathir tidak akan menggugat perkembangan industri itu, katanya.

Pikom yang diwakili 390 ahli terbabit dalam pelbagai sektor ICT yakin penggantinya nanti akan mampu meneruskan wawasan ICT negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju di dunia.

"Dr Mahathir adalah penggerak utama dalam kejayaan Malaysia ke arah menjadi sebuah negara perindustrian serta ekonomi berasaskan pengetahuan dan ahli Pikom menyanjung tinggi fungsi beliau sebelum ini.

"Pikom akan terus menyokong segala usaha dan wawasannya khususnya dalam ICT serta menghormati keputusannya melepaskan semua jawatannya," katanya.

Syarikat perisian utama dunia, Microsoft Corp (Microsoft) melalui pejabat tempatannya, Microsoft Malaysia akan meneruskan pelaburannya di negara ini selain meningkatkan kerjasama dengan kerajaan.

Pengarah urusannya, Butt Wai Choon, berkata perubahan dalam kepemimpinan tidak akan memberi kesan terhadap komitmen syarikat dalam membangunkan negara ini khususnya usaha membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-economy).

Katanya, wawasan jauh Dr Mahathir berjaya meletakkan satu asas kukuh untuk k-economy selain membentuk satu agenda penting untuk pemimpin generasi masa depan negara.

"Microsoft yakin penggantinya, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan tetap menjadi peneraju dan pelaksana polisi jangka panjang negara.

"Kami yakin terhadap potensi Malaysia sebagai pasaran mewah kepada pelabur. Pelaburan dan prasarana yang dilakukan kerajaan dalam industri ICT secara strategiknya berjaya mewujudkan peluang penghasilan dan penggunaan hak intelektual yang akan memacu pasaran tempatan serta serantau bagi tempoh beberapa tahun lagi," katanya.

Syarikat ICT tempatan yang mengkhususkan dalam sektor awam dan kerajaan, Sistem Kompakar Sdn Bhd (Kompakar), berharap Dr Mahathir akan meneruskan sumbangannya untuk memastikan projek ICT kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan pantas.

Pengerusi eksekutifnya, Datuk Seri Tunku Shahabuddin Tunku Besar Burhanuddin, berkata melalui keazamannya ia berjaya menjadikan ICT digunakan secara meluas dalam kehidupan masyarakat masa kini.

"Dalam bidang teknologi penjagaan kesihatan (techno-medicare), hasil pandangan jauhnya dalam memanfaatkan teknologi untuk menyediakan kemudahan bertaraf dunia berjaya mewujudkan Sistem Maklumat Hospital Menyeluruh (THIS) bagi Hospital dan Klinik Putrajaya.

"Kejayaan itu membolehkan Kompakar menghasilkan sistem PutraCare, produk buatan Malaysia yang kini bersambungan dengan kedua-dua pusat perubatan itu dan ini adalah kejayaan unggul kepada industri penjagaan kesihatan negara," katanya.